

EKONOMI HIJAU DALAM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN MENJANA KESEJAHTERAAN UMMAH

Sumbangan: Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sabah

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا، وَهُوَ الْعَزِيزُ الْعَفُورُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ، اللَّهُمَّ
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam keratan Khutbah kali ini, mimbar ingin menyentuh tentang ekonomi hijau dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan menjana kesejahteraan ummah. **Tajuk ini adalah selari dengan tema hari sedunia bagi keselamatan dan kesihatan di tempat kerja pada tahun ini iaitu mempromosi keselamatan dan kesihatan di dalam ekonomi hijau.**

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Islam memerintahkan kita melakukan sesuatu kerja dengan cara yang sebaik-baiknya dengan mengutamakan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Seperti firman Allah dalam Surah Al Baqarah ayat 195 berbunyi:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ

يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ﴿١٩٥﴾

Maksudnya: “Dan belanjakanlah apa yang ada pada kamu untuk menegakkan agama Allah dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan. Perbaikilah segala usaha dan perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berusaha supaya banyak amalannya.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sedarilah bahawa hidup adalah anugerah yang Maha Esa. Kita perlu mensyukuri segala nikmat yang dikurniakan. Umat manusia perlu berilmu untuk mengetahui batas-batas yang telah ditetapkan bagi mencapai kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Firman Allah dalam Surah Al Qasas Ayat 77:

وَأَتَّبِعْ فِي مِمَّا آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ
الدُّنْيَا وَأَحْسِنَ كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ
إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Ertinya: “Dan tuntutan harta kekayaan yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah kamu melupakan bahagian (keperluan dan bekalan) di dunia. Berbuat baiklah kepada hamba-hamba Allah sebagaimana Allah berbuat baik kepada kamu (dengan pemberian yang melimpah-limpah). Janganlah kamu melakukan kerosakan di muka bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang berbuat kerosakkan.”

Kerja merupakan tanggungjawab dan amanah. Kehidupan kerja selamat perlu dihayati dan diamalkan. Dari Hadis Nabi SAW “Kemalangan berpunca daripada 3 perkara iaitu Kuda, Perempuan dan Rumah (HR Bukhari Jld3 1305). Pekerja perlu tahu punca dan akibat kemalangan.

Di mana, kemalangan yang berlaku di tempat kerja adalah berkaitan dengan pengabaian keselamatan dan kecuaiannya pekerja itu sendiri sehingga mengakibatkan kematian, kecacatan dan kecederaan. Bukan itu sahaja, aspek kesihatan di tempat kerja juga perlu dihayati dan diamalkan di mana pekerja yang terdedah kepada risiko-risiko bahaya yang mengancam kesihatan mereka di mana kesannya hanya akan dapat dilihat dalam jangka masa yang panjang.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Oleh itu, para pekerja perlu tahu yang mereka mesti bekerja di persekitaran selamat dan sihat supaya pengamalan kerja selamat dapat dihayati dengan sepenuhnya. Kerjasama semua pihak amatlah perlu di mana, para majikan dapat memainkan peranan dalam pengamalan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja.

Apa yang penting, aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan perlu dilihat daripada pelbagai dimensi, kerana setiap kerja yang dijalankan akan menimbulkan risiko dan bahaya kepada kesihatan.

Dunia yang menyusuri arus kemodenan pada masa kini telah membawa seribu satu kemajuan teknologi bagi membantu industri-industri meningkatkan lagi produktiviti. Tetapi, terdapat juga keburukan timbul dari inovasi-inovasi baru ini. Jentera-jentera baru dengan pelbagai bahaya, bahan-bahan kimia yang membahayakan kesihatan, cara-cara kerja dan banyak lagi.

Justeru, kehidupan kerja selamat akan dapat diperolehi dengan beberapa kaedah iaitu bekerja dengan mematuhi prosedur kerja selamat serta patuh kepada peraturan keselamatan yang telah disediakan. Para pekerja juga hendaklah peka dan patuh kepada peraturan keselamatan dan peraturan kerja yang berkaitan di tempat kerja. Akhir sekali, para pekerja hendaklah juga menjauhi perbuatan yang tidak selamat dan mengamalkan Budaya Kerja Selamat dan Sihat di tempat kerja.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Menurut data yang direkodkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO), bilangan kes maut akibat kerja di tempat kerja telah meningkat secara global. Menurut statistik pada tahun 2010, sebanyak 337 juta kes kemalangan yang berlaku. Adalah dianggarkan setiap hari, seramai 6,300 pekerja maut akibat daripada kemalangan serta penyakit pekerjaan di tempat kerja. Di Malaysia, Kerajaan sentiasa berusaha untuk mengurangkan kadar kemalangan dan penyakit pekerjaan di tempat kerja setanding dengan negara maju. Manakala, statistik tempatan yang dikumpulkan sehingga 2010, kadar kemalangan di tempat kerja bagi seribu orang pekerja ialah 3.56. Berdasarkan kajian dan analisa ke atas kadar kemalangan tersebut mendapati trend kadar kemalangan industri Negara mengalami satu penurunan yang stabil. Di Sabah, menurut rekod Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Sabah (JKKP) pada tahun 2011 kadar kemalangan kes juga menurun iaitu sebanyak 13 orang telah dilaporkan maut manakala 99 orang mengalami kecederaan dan hilang keupaya kekal berbanding tahun 2010 iaitu sebanyak 29 orang telah dilaporkan maut dan 156 orang mengalami kecederaan dan hilang keupayaan kekal.

Penurunan kadar kemalangan ini adalah dipercayai disebabkan oleh faktor peningkatan kesedaran, amalan budaya kerja selamat dan sihat di kalangan majikan dan pekerja di Sabah dan negara ini. Justeru itu, saya ingin mengajak sidang Jumaat yang dimulikan, marilah kita bersama-sama menggandakan usaha yang perlu dilakukan agar kadar mengurangkan kemalangan ini sejajar dengan prestasi negara maju.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Pada kesempatan ini khatib juga mengingatkan kepada para jemaah dan umat Islam seluruhnya supaya tidak terlibat dengan sebarang aktiviti yang boleh menjejaskan keselamatan dan kesejahteraan Negara dan negeri ini. Ini kerana Islam melarang umatnya daripada melakukan perkara-perkara yang boleh menimbulkan ancaman dan kepincangan

bermasyarakat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sebagaimana disebutkan oleh Rasulullah SAW dalam sabdanya yang bermaksud: *“Tiada manusia yang mengabaikan sesuatu dari urusan agama untuk kepentingan keduniaan mereka kecuali Allah akan menimbulkan bagi mereka perkara-perkara yang lebih membahayakan”*. (HR Ahmad)

Oleh itu, marilah bersama-sama kita berusaha menghayati kehidupan yang aman, selamat dan juga kerja selamat dengan mengamalkan budaya persaudaraan, perpaduan dan Budaya Kerja Selamat dan Sihat. Dengan semangat budaya seumpama ini diharap dapat menjamin perpaduan dan kesejahteraan ummah serta akan menggalakkan daya saing Negara di dalam dunia globalisasi yang serba mencabar ini. Mudah-mudahan kita semua diteguhkan pendirian untuk sentiasa mengamalkan budaya dan sikap yang baik serta dijauhi dan dihindari dari segala malapetaka.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ،

وَإِنْ يَمَسُّكَ الْلَّهُ بِضُرٍّ فَلَا كَاشِفَ لَهُ إِلَّا هُوَ وَإِنْ يَمَسُّكَ بِخَيْرٍ فَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿١٧﴾

Maksudnya: " Dan jika Allah mengenakan (menimpa) engkau dengan bahaya bencana, maka tidak ada sesiapa yang dapat menghapusnya melainkan Dia sendiri dan jika Dia mengenakan (melimpahkan) engkau dengan kebaikan, maka Dia adalah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu."

(Surah Al An'am ayat : 17)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَقَعْنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي
هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



Disediakan oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah